

17 SEP 1999

AGUNG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN CHILE

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Chile, Eduardo Frei Ruiz-Tagle, sempena Hari Kemerdekaan republik itu, esok.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong berharap Presiden itu serta rakyatnya sentiasa berada dalam kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang serupa kepada Presiden itu berkata beliau yakin hubungan persahabatan dan konstruktif antara Malaysia dan Chile akan dipertingkat pada tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan kepada rakan sejawatannya di Chile, Juan Gabriel Valdes Soublette, berkata beliau berharap dapat meneruskan kerjasama yang rapat dengan Soublette untuk memperkukuh lagi hubungan dua hala.

-- BERNAMA

AFY NMO